



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI  
KENYATAAN MEDIA**

**HARI PENDIDIKAN ANTARABANGSA 2019**

Hari ini merupakan kali pertama dunia menyambut Hari Pendidikan Antarabangsa (*International Day of Education*). Sambutan ini berikutan resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 3 Disember 2018 tahun lalu. Resolusi tersebut diterima oleh perhimpunan tersebut didorong oleh kesedaran dunia terhadap peranan pendidikan dalam mencapai pembangunan yang mampan.

Dalam konteks pembangunan di negara ini, saya yakin rakyat Malaysia menyedari peranan pendidikan dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan sejak enam dekad yang lalu.

Pembangunan telah mencipta kemakmuran yang dikongsi oleh 32.4 juta penduduk Malaysia. Hari ini peranan pendidikan semakin penting bagi Malaysia untuk muncul semula sebagai Harimau Asia. Pendidikan yang lestari akan menghasilkan modal insan yang pasti meningkatkan daya saing ekonomi.

Untuk menangani cabaran yang datang bersama Revolusi Industri 4.0 dan pelbagai teknologi disruptif generasi muda perlu menguasai dan mendakap teknologi baharu. Ini memerlukan kehairahan dan ketekunan generasi muda dalam mempelajari mata pelajaran STEM – Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Sementara pendidikan STEM amat penting bagi Malaysia untuk maju dan berdaya saing, namun pendidikan tidak bersifat utilitarian semata-mata. Pendidikan perlu turut menghasilkan pencerahan iaitu penjaan sikap minda yang kritis, terbuka dan toleran. Pencerahan ini amat penting dalam pembinaan bangsa Malaysia yang majmuk dan pelbagai budaya. Pendidikan sejati juga akan menyemai semangat keadilan dan membanteras sikap angkuh serta kebencian terhadap kejahatan seperti amalan rasuah.

Justeru pendidikan adalah usaha sepanjang hayat, maka sempena Hari Pendidikan Antarabangsa, saya menyeru rakyat Malaysia agar mencintai ilmu dan menggilap semangat untuk belajar dengan berterusan demi memperkayakan diri dan menjadikan Malaysia kuat dan berwibawa.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwai Ekonomi**

**24 Januari 2019**